

Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu-Isu dan Panduan Perspektif Islam

The Use of New Social Media: Issues and Guidelines From an Islamic Perspective

Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia
smhilm@um.edu.my

Mohd Anuar Ramli

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia
mohanuar@um.edu.my

Che Zarrina Sa'ari

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia
zarrina@um.edu.my

Azah Anir Norman

Jabatan Sistem dan Pengurusan Maklumat, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat,
Universiti Malaya, Malaysia

Mohd Anuar Mamat

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

Muhammad Hazim Mohd Azhar

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol50no1.4>

Abstract

Today's technology advancements, which have sparked the creation of modern social media platforms, have also had an impact on society and everyday human life. This latest development, however, has sparked concerns about the potential for misuse. Various types of abuses have occurred in the absence of Islamic and spiritual instructions to communicate. Such as cyberbullying, unrestricted free expression, online harassment, and the distribution of false information. As a result, this report will explore concerns relating to new social media bullying as well as recommendations for dealing with it. To accomplish these goals, this qualitative research employs a full library approach, compiling and reviewing social media-related topics from journal papers, newspaper interviews, and websites. According to the study's findings, there are a variety of problems or cases relating to the misuse of modern social media

that have been identified, and essentially, social media users need to uphold Islamic morality while engaging on new social media in order for the digital righteousness environment to be achieved.

Keywords: New social media, cybercrime, social piety, morality, digital communication

Abstrak

Kemajuan teknologi masa kini yang menjadi pencetus kepada perkembangan media sosial baharu sekaligus telah mempengaruhi budaya dan kehidupan manusia sehari-hari. Namun begitu, kemajuan yang baru ini turut melahirkan isu berkaitan penyalahgunaannya. Tanpa panduan Islam dan akhlak berkomunikasi, pelbagai bentuk pelanggaran telah berlaku. Umpamanya seperti pembulian siber, kebebasan bersuara tanpa batas, pengantunan siber dan penyebaran maklumat palsu. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan tentang isu-isu berkaitan penyalahgunaan media sosial baharu dan panduan dalam menanganinya. Bagi mencapai objektif tersebut, kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kepustakaan sepenuhnya dengan mengumpul dan menganalisis isu berkaitan dengan media sosial sama ada dari artikel jurnal, laporan akhbar dan laman sesawang. Hasil kajian mendapati wujud pelbagai isu atau kes berkaitan penyalahgunaan media sosial baharu dilaporkan dan secara asasnya pengguna media sosial perlu mengamalkan akhlak Islam dalam berinteraksi di media sosial baharu agar ekosistem kesolehan digital dapat direalisasikan.

Kata kunci: Media sosial baharu, jenayah siber, kesolehan sosial, akhlak, komunikasi digital

Pendahuluan

Penggunaan media sosial baharu pada masa kini adalah seiring dengan era kemodenan yang berlaku. Pada asasnya penggunaan media sosial baharu ini adalah bertujuan untuk ke arah kebaikan bersama, yang mana ianya digunakan untuk menghubungkan manusia di seluruh dunia dengan lebih cepat dan pantas. Akan tetapi, penggunaan yang tidak dikawal dan tidak dimanfaatkan dengan panduan yang betul telah menimbulkan banyak permasalahan di laman sosial ini. Dalam masa yang sama menimbulkan persoalan hukum sama ada penggunaan media sosial dibenarkan atau dilarang oleh Syarak.

Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membuka lembaran baru dalam kehidupan manusia, yang mana

kemajuan ini dapat menghubungkan masyarakat seluruh dunia tanpa sempadan.¹ Internet World Stats (2021) melaporkan bahawa daripada 32,776,194 orang penduduk Malaysia, seramai 29,161,765 adalah pengguna internet telah dicatatkan pada Jun 2021.² Hampir keseluruhan daripada pengguna ini melayari internet untuk melakukan interaksi dan hubungan secara atas talian. Selain faktor perkembangan dan kemajuan teknologi, menurut Yahya, salah satu punca peningkatan penggunaan media sosial adalah kerana terkesan daripada kawalan negara terhadap kebebasan media.³

Terdapat pelbagai jenis media sosial yang terkenal seperti Facebook, Twitter, Instagram dan LinkedIn telah menjadi pilihan pengguna bagi aktiviti sosial mereka. Laman-laman ini dijadikan sebagai alat komunikasi yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain seperti ruangan web peribadi, ruangan perkongsian ilmu, ruangan perbincangan forum, e-mel, ruang sembang dan butang untuk menaik gambar dan video serta perisian permainan.⁴

Perkembangan ini telah memberi banyak kemudahan kepada semua pihak untuk berinteraksi dan sekaligus memudahkan urusan harian mereka kerana dapat diselesaikan hanya di hujung jari. Perkembangan ini juga telah menjadi satu budaya yang diterima pakai oleh semua tanpa mengira status, peringkat umur, jantina, taraf pendidikan dan latar belakang.⁵ Di Malaysia, media sosial Facebook telah menjadi komuniti maya pilihan yang paling popular berbanding dengan media sosial lain.⁶

Sememangnya perkembangan teknologi ini tidak dapat dipisahkan dari kehidupan masyarakat. Kemajuan teknologi khususnya kelahiran internet dan media sosial membawa banyak

¹ Emad A. Abu-Shanab & Heyam A. al-Tarawneh, "How Jordanian Youth Perceive Social Networks Influence?," *Computer Science and Information Technology* 1, no. 2 (2013), 159.

² World Stats, "Internet 2021 Usage in Asia," *Laman Internet World Stats*. Pautan: <https://www.internetworldstats.com/stats3.htm>, diakses pada 29 November 2021.

³ Yahya Abdul Rahman, *Kawalan Negara Terhadap Kebebasan Media di Malaysia* (Disertasi Ijazah Master Sains, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 2018), 21.

⁴ Boyd, D. M. & Ellison, N. B., "Social Network Sites: Definition, History, and Scholarship," *Journal of Computer-Mediated Communication* 13 no. 1 (2007), 211-213.

⁵ Ali Salman, Mohd Y. Abdullah, Mohd Safar Hasim & Latiffah Pawanteh, "Sustainability of Internet Usage: A Study Among Malay Youth in Kota Bharu, Kelantan, Malaysia," *Malaysian Journal of Communication* 26 (2010), 63.

⁶ Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah, "Online Social Networking As A Third Place: Usage In Malaysia," Kertas kerja *Biennial Convention of The Pacific and Asian Communication* (2014), 5.

perubahan sosial kerana pelbagai informasi dan maklumat dapat disalurkan.⁷ Namun kemunculan media sosial baharu juga menimbulkan pelbagai kesan negatif. Masyarakat menggunakan medium media sosial sebagai platform menyatakan pandangan dan menzahirkan rasa tidak puas hati melalui perkataan-perkataan yang tidak bermoral. Maklumat bebas yang berada di media sosial boleh mengganggu keharmonian dan ketenteraman di sesebuah negara. Hasil kajian Buzzetto-More, N., Johnson, R., dan Elobaid membuktikan bahawa terdapat keterdedahan perangkap dan bahaya yang dihadapi oleh generasi muda khususnya pelajar terhadap penggunaan perkhidmatan rangkaian sosial.⁸

Faktor dan kesan negatif yang melibatkan media sosial harus diambil perhatian oleh pihak kerajaan mahupun masyarakat itu sendiri memandangkan masing-masing adalah pengguna media sosial itu sendiri. Justeru artikel ini membincangkan mengenai pelbagai masalah dan isu yang melibatkan media sosial sama ada berkaitan perundangan atau jenayah seperti buli siber, kebebasan bersuara tanpa batas, rayuan atau pujukan siber dan penyebaran maklumat palsu yang memerlukan kepada panduan.

Isu-Isu Dalam Penggunaan Media Sosial Baharu

1) Buli Siber

Berhadapan dengan kepesatan perkembangan teknologi, terdapat isu yang wujud dalam kalangan pengguna iaitu isu buli siber (*cyberbullying*). Buli siber adalah satu bentuk gangguan yang melibatkan penggunaan kata-kata yang tidak sopan secara berulang.⁹ Buli siber juga turut difahami sebagai satu amalan komunikasi melalui perantaraan teknologi yang bertujuan mengganggu, mengecam, memalukan atau mengugut mangsa

⁷ Romlah Ramli. "Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan." *Journal of Techno - Social* 8, no. 1 (2016): 102-111.

⁸ Buzzetto-More, N., Johnson, R., & Elobaid, M., "Communicating and Sharing in the Semantic Web: An Examination of Social Media Risks, Consequences, and Attitudinal Awareness," *Interdisciplinary Journal of e-Skills and Life Long Learning* 11 (2015), 48.

⁹ Che Hasniza Che Noha & Mohd Yusri Ibrahim, "Kajian Penerokaan Buli Siber dalam Kalangan Pelajar UMT," *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134. (2014), 323.

melalui perkataan yang negatif, penyebaran maklumat palsu ataupun perkongsian yang boleh merosakkan imej mangsa.¹⁰

Biasanya mangsa buli dikaitkan dengan golongan yang lemah seperti wanita, remaja yang kurang matang, kanak-kanak dan orang kelainan upaya (OKU). Mangsa mengalami pelbagai kesan jangka masa pendek dan panjang hasil dibuli. Sasaran buli kerap merasa sakit, malu, sedih, dan marah akibat diganggu.¹¹ Berdasarkan kajian Che Hasniza dan Mohd Yusri mendapati bahawa terkadang mangsa buli siber juga boleh menjadi pelaku buli siber juga.¹²

Isu buli bukanlah isu baru dalam masyarakat kita. Namun, buli siber adalah gejala buli yang baru muncul hasil daripada ledakan teknologi masa kini. Kesan daripada pembulian siber, mangsa mengalami tekanan psikologi, tekanan emosi dan boleh berubah sehingga sanggup mengundang gejala pembunuhan diri. Mengikut rekod kajian yang dilakukan terhadap beberapa pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), terdapat beberapa tema kesan buli siber iaitu emosi, fizikal dan psikologi. Buli siber yang teruk boleh menyebabkan mangsa menjadi murung, resah, hilang selera makan, kesedihan yang berlebihan, ketakutan, perasaan marah tidak terkawal dan tidak mahu berjumpa dengan orang di sekeliling. Apa yang lebih parah adalah kewujudan keinginan untuk membunuh diri.¹³

Di negara-negara barat, kes-kes bunuh diri dalam kalangan mangsa jenayah buli siber tidak lagi dianggap sebagai satu fenomena yang baharu. Misalnya, kes Ryan Patrick Halligan yang merupakan antara kes buli siber yang terawal direkodkan. Ryan telah membunuh diri akibat dibuli oleh teman wanitanya bernama Asyley yang pernah menggelarkan Ryan sebagai seorang yang tidak berguna, mencetak segala perbualan peribadi mereka berdua dan

¹⁰ Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, "Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia," *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019), 2.

¹¹ Nicholas Brody & Anita L. Vangelisti, "Cyberbullying: Topics, Strategies, and Sex Differences," *Computers in Human Behavior*, no. 75 (2017), 739-748.

¹² Che Hasniza Che Noha & Mohd Yusri Ibrahim, "Kajian Penerokaan Buli Siber dalam Kalangan Pelajar UMT," *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134 (2014), 328.

¹³ Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, "Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM," *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 4-8.

kemudiannya menampal di kawasan sekolah dengan tujuan memalukan Ryan.¹⁴

Atas kesedaran ini, pada Julai 2020, Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) telah melantik Universiti Multimedia (MMU) bagi menjalankan penyelidikan mengenai undang-undang anti buli siber.¹⁵ Pada aspek individu pula, Suriana dan Khadijah Alavi mencadangkan supaya mangsa tidak membala mesej atau emel daripada pembuli siber supaya dapat mengurangkan impak emosi. Ini kerana apabila mesej atau emel pembuli siber dibalas kebiasaan mereka merasa diberi perhatian oleh mangsa, lantas akan berterusan melakukan perbuatan membuli terhadap mangsa.¹⁶

2) Kebebasan Bersuara Tanpa Batas

Malaysia bukanlah mengamalkan sistem autoritarianisme, totalitarianisme ataupun diktatorisme yang menafikan hak bersuara dan mengeluarkan pandangan. Setiap warganegara Malaysia diberi kebebasan bercakap dan bersuara bahkan telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 10(1)(a). Setiap warganegara Malaysia bebas mengemukakan pandangan dan idea selagi tidak menyentuh isu-isu sensitif yang telah dinyatakan oleh Parlimen dalam perkara 10(4).¹⁷ Akan tetapi hak kebebasan yang bersyarat ini diabaikan sebahagian orang sehingga terbabit melanggar sempadan atau batasan agama, institusi beraja, perlembagaan negara serta sentimen masyarakat.

Keadaan ini dirancakkan lagi melalui penggunaan media sosial yang membuka luas hubungan antara pengguna sehingga menjadi medan terbuka untuk memberi komentar dan berhujah. Para pengguna berhujah tentang pelbagai isu, dari perkara-perkara remeh, keputusan harian, dan isu hubungan, hingga kepada hal-hal

¹⁴ Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin, "Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia," *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019), 7-8.

¹⁵ Bernama, "MMU Jalankan Penyelidikan Berkaitan Undang-Undang Antibuli Siber." *Portal Rasmi BERNAMA.COM*. bertarikh 4 Julai 2020. Pautan: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1856935>, diakses pada 6 Mac 2020.

¹⁶ Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, "Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM," *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 8.

¹⁷ Mohamed Suffian Hashim. *Mengenal Perlembagaan Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984).

negara dan sosiopolitik.¹⁸ Ramai pengguna yang tidak mematuhi etika berkomunikasi dan mereka memberi komentar tanpa adab dengan tidak mengenal pihak-pihak yang dikritik hingga menjatuhkan maruah dan reputasi.

Kebebasan bersuara tanpa batas di media sosial berpotensi merosakkan perpaduan rakyat terutamanya apabila melibatkan sentimen agama atau bangsa. Orang ramai berani menyatakan pandangan sendiri dengan menggunakan perkataan-perkataan negatif yang tidak mengambil kira sentimen agama dan bangsa dalam konteks negara Malaysia. Poovaneaswary Manoharan dan Muhammad Adnan melalui kajian pemantauan kebebasan netizen dalam bersuara dan memberi komentar terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online bermula dari 28 November 2018 sehingga 5 Disember 2018 merekodkan terdapat 421 komentar negatif dan 167 komentar bersifat positif.¹⁹ Antara contoh gaya komentar negatif yang berjaya direkodkan adalah:

- i. “Moorthy Perlu Jadi Watak Utama Yang Dipukul , Baru Dia Tahu Apa Itu Perpaduan 📲 #sayangimalaysiaku “
- ii. “Ketua sami minum ketum masa analisa video tu”

Dapat dilihat juga kritikan, hinaan dan hamburan secara bebas terhadap institusi beraja walaupun ia merupakan prinsip kedua rukun negara yang harus difahami dan dihayati oleh seluruh warganegara. Institusi ini sangat penting dalam mengekalkan dan menjamin kestabilan negara. Ia menjadi payung kedaulatan negara, menaungi seluruh rakyat dan kepercayaan agama. Tetapi hinaan terhadap institusi beraja yang kononnya atas paksi perjuangan hak kebebasan menatijahkan kerosakan dan gangguan terhadap kestabilan dan kelangsungan negara. Terdapat banyak berita di laman akhbar atas talian yang melibatkan kes penghinaan institusi beraja. Untuk rekod, Syahira dan Wan Amizah menyatakan dalam tempoh tujuh bulan kajian, Utusan Online telah memaparkan 14

¹⁸ Ioana A. Cionea, Cameron W. Piercy & Christopher J. Carpenter, “A Profile of Arguing Behaviors on Facebook,” *Computers in Human Behavior*, no. 76 (2017), 438-449.

¹⁹ Poovaneaswary Manoharan & Muhammad Adnan Pitchan, “Kebebasan Bersuara dan Komentar Netizen Terhadap Isu Muhammad Adib di Berita Harian Online,” *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 3 (2020): 4-8.

buah berita, Malaysia Kini pula memaparkan 13 buah berita dan The Star pula hanya memaparkan 7 buah berita.²⁰

Meskipun undang-undang sedia ada telah dinyatakan, namun didapati ramai dalam kalangan masyarakat Malaysia masih belum memahami sebenar hak kebebasan bersuara yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Sedangkan kebebasan bersuara yang dibenarkan oleh Perlembagaan adalah tertakluk kepada beberapa undang-undang lain yang sudah digubal. Undang-undang sedia ada masih belum mencukupi. Berdasarkan kajian Fabli Yusof dan Mohd Sufiean terhadap tujuh kes yang melibatkan penghinaan institusi beraja, didapati hanya dua akta sahaja yang digunakan untuk mendakwa pesalah kerana menghina institusi raja iaitu Akta hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Oleh kerana itu, kajian tersebut turut mencadangkan penggubalan undang-undang baharu dalam usaha menangani isu penghinaan kedaulatan institusi raja di Malaysia.²¹

Dalam konteks beragama, apa yang yang paling menakutkan mengenai keterbukaan dan kebebasan penggunaan media sosial tanpa batasan adalah kerosakan pegangan akidah umat Islam. Kebebasan ini telah membuka ruang kepada usaha penyebaran ajaran sesat dan salah kepada masyarakat. Ia bermula dengan membangkitkan keraguan terhadap kefahaman dan kepercayaan terhadap pegangan Islam sedia ada yang telah sebatи serta diterima oleh umat Islam umum. Asyraf Wajdi menyatakan terdapat ancaman penyesatan umat Islam secara sistematik di laman media sosial dengan dakwaan bahawa Islam adalah agama yang tiada toleransi.²² Menurut Mohd Aizam Masod pula, kumpulan beraliran Syiah dilihat aktif menyebarkan ajaran Syiah melalui platform laman media sosial.²³

²⁰ Syahira Omar & Wan Amizah Wan Mahmud, “Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian,” *Jurnal Wacana Sarjana* 1, no. 1 (2017): 12.

²¹ Fabli Yusof & Mohd Sufiean Hassan. “Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong Di Media Sosial: Tindakan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Kebebasan Bersuara.” *Journal of Law & Governance* 3, no. 1 (2020), 138-140.

²² Bernama, “Media Sosial Pengaruhi Penyebaran Ajaran Sesat.” Laman *Perak Today* bertarikh 20 November 2013. Pautan: <https://peraktoday.com.my/2013/11/media-sosial-pengaruhi-penyebaran-ajaran-sesat/>, diakses pada 6 Mac 2020.

²³ Mohd Aizam Masod, “Jakim: Fahaman Syiah Disebarkan Melalui Media Sosial,” *Laman Astro Awani* bertarikh 26 Ogos 2013. Pautan: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-fahaman-syiah-disebarkan-melalui-media-sosial-21068>, diakses pada 6 Mac 2020.

Selain itu, gerakan pengganas atau militan menjadikan media sosial sebagai senjata perang saraf bagi membina pengaruh, usaha pengrekutan, mengukuhkan ideologi serta membuat ancaman terhadap pihak dan negara yang tidak menerima ideologi mereka. Kumpulan Daesh sebagai contoh menggunakan medium media sosial seperti Facebook dan Youtube untuk tujuan penyebaran ideologi dan membuat ancaman.²⁴

Pada masalah yang lain pula, kajian Norsaleha mendapati bahawa wujudnya elemen fahaman liberalisme dalam kalangan belia di ruangan media sosial sama ada dalam bentuk penulisan atau komentar. Mereka dilihat mempunyai rangkaian yang saling memberi sokongan moral atau pandangan yang saling menyokong. Mereka turut lantang bersuara terhadap isu-isu semasa khususnya yang melibatkan syariat Islam, autoriti agama dan mahkamah Syariah di Malaysia. Antara ungkapan yang direkodkan adalah:

- i. *Aku tak kisah sangat lesbian ni. Sekurangnya dia tak kakau orang lain. Tambahan itu hak dia sendiri*
- ii. *Larangan solat ketika haid kepada wanita satu diskriminasi*
- iii. *Nabi anjur cinta lelaki sesama lelaki*
- iv. *al-Quran tidak larang homoseksual*

Maka jelas kebebasan ini memberi implikasi negatif terhadap negara, bangsa dan agama tanpa menafikan sisi positifnya. Kefahaman yang betul mengenai hak kebebasan yang diberi adalah penting bagi menjaga keharmonian beragama di Malaysia. Perkataan yang paling tepat berkaitan hal ini adalah hak kebebasan beragama dalam perlembagaan Malaysia yang perlu diterima adalah hak kebebasan yang tidak mutlak.²⁵

3) Pengantunan Siber

Terdapat juga isu berkaitan rayuan atau pujukan siber yang dipanggil *cybergrooming* atau pengantunan siber.²⁶ Rayuan mesra

²⁴ Ahmad Sauffiyan Abu Hassan, “Daesh: Kebangkitan Dan Pengaruh Media Sosial,” *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 32 no. 2 (2016), 390.

²⁵ Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Phayilah Zakaria, Juzlinda Mohd. Ghazali, Gazali bin Runun Abdullah & Mohd. Shairawi Mohd. Noor, “Liberalisme Dalam Pemikiran Belia Di Media Sosial,” *FUADUNA: Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan* 1, no. 2 (2017), 169-173.

²⁶ Asmi Asmidar Zainal Rashid, Mohammad Rahim Kamaluddin, Suzaily Wahab, Dayang Anita Abdul Aziz, Zarina Abdul Latiff & Balan Rathakrishnan, “Kerentenan Kanak-kanak Malaysia terhadap Pengantunan Seksual Dalam Talian,” *Jurnal Psikologi Malaysia* 32, no. 3 (2018), 92.

ini mempunyai pelbagai motif, antaranya adalah bagi tujuan seksual, ugutan, malah terdapat juga mangsa dipujuk bagi melakukan jenayah, umpama keldai dadah. Misalnya kes Kathryn 12 tahun dan kakaknya Abigail 17 tahun. Mangsa telah dipujuk oleh seorang lelaki tua yang berusia 42 tahun dikenali sebagai Pete berkenalan melalui facebook. Pete telah menyamar menjadi lelaki lain yang mana bernama Marcus yang berumur 17 tahun, kemudian topik perbualan mereka bertukar ke arah seksual dan merancang untuk bertemu bagi melakukan hubungan seks. Namun rancangan itu telah digagalkan dan diselamatkan oleh ibunya apabila ibunya telah menemui mesej perbualan mereka. Kes-kes seperti ini meningkatkan lagi jenayah siber dan kerugian pada mangsa.

Untuk rekod pada tahun 2019, terdapat 25,000 kertas siasatan berkaitan kes jenayah komersial yang melibatkan kerugian sebanyak RM6.2 bilion. 65 peratus daripada jumlah tersebut, merupakan penipuan yang mengaplikasikan internet sebagai platform pencarian mangsa seperti kes pinjaman tidak wujud, *Love Scam*, *Macau Scam*, dan *African Scam*.²⁷ Lebih terdahulu, pada tahun 2017 sahaja, terdapat 10,203 kes telah direkodkan yang melibatkan kerugian kira-kira RM184 juta. Pada tahun yang sama, untuk kes *Cinta Siber* atau *Love Scam* atau *Romance Scam* terdapat 1,774 kes yang melibatkan kerugian RM67,199,064.00.²⁸

Bagi memerangkap mangsa, antara strategi komunikasi yang kerap digunakan oleh pelaku adalah melalui penipuan profil, layanan manis, santunan emosi, pengotaan janji manis palsu, penghantaran barang dan penyamaran sebagai wakil agensi percukaian. Antara faktor mangsa *Love Scam* dalam laman sosial adalah layanan baik daripada pelaku, tekanan dalam diri mangsa, sosialisasi dan kemudahan capaian internet. Kebanyakan wanita

²⁷ Mohd Zakaria Ahmad “Jenayah Komersial Babitkan Kerugian RM6.2 bilion.” *Laman Berita Harian Online* bertarikh 30 Januari 2020. Pautan; <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/01/651211/jenayah-komersial-babitkan-kerugian-rm62-bilion>, diakses pada 6 Mac 2020.

²⁸ Bernama, “Elakkan Diri Daripada Menjadi Statistik Jenayah Siber,” *Laman Portal Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia: Malaysian Communications and Multimedia Commission* bertarikh 16 Nov 2018. Pautan: <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press-clippings/elakkan-diri-daripada-menjadi-statistik-jenayah-si>.

yang menjadi mangsa *love scam* terdiri kelompok bujang, berpendidikan tinggi, profesional dan berpendapatan tinggi.²⁹

Selain *love scam*, terdapat kes yang disebut sebagai “keldai akaun” yang meminjamkan kad ATM, nombor akaun atau menumpangkan akaun mereka bagi tujuan transaksi kewangan tertentu. Pada penghujung 2018, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSTK) Bukit Aman berjaya menahan 145 keldai akaun yang dikesan tersabit dengan jenayah telekomunikasi, perbankan dalam talian, macau scam dan pinjaman tidak wujud.³⁰ Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) pula telah menerima aduan 25,000 kes berkaitan keldai akaun di seluruh negara sejak 2018-2020.³¹

Menurut Hanneeyzah, golongan mahasiswa atau penuntut universiti merupakan kelompok yang paling ramai menjadi mangsa keldai akaun selain golongan ibu tunggal. Dengan tawaran upah sehingga lebih RM1,000 sebulan, golongan mahasiswa mudah dimanipulasi sehingga memberi kesan mereka disenarai hitam oleh institusi kewangan.³²

Berkenaan kes *Love Scam*, Zulkufli Ismail & Azmi Aziz mencadangkan institusi pendidikan harus mewujudkan satu subjek baharu mengenai kemahiran teknologi maklumat (ICT) dan hubungannya dengan masyarakat dengan matlamat mendidik dan memupuk nilai moral dan etika dalam penggunaan media sosial.³³ Khadijah, Maizatul dan Mohammad Syahrul pula mencadangkan pelaksanaan kempen bagi memberi kesedaran mengenai jenayah siber. Kempen ini perlu dilakukan oleh pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) sendiri dengan penglibatan

²⁹ Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Sooed. “Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional.” *Jurnal Komunikasi* 36, no. 3 (2020), 307-308.

³⁰ Noor Mohamad Syakil Hameed, “Elak Perangkap Keldai Akaun,” *Harian Metro* bertarikh 24 Januari 2019. Pautan: <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/79341/>, diakses pada 6 Mac 2020.

³¹ Yusmizal Dolah Aling, “PPIM Rekodkan 25,000 Kes Keldai Akaun Sejak 3 Tahun Lalu,” *Harian Metro* bertarikh 4 Julai 2020. Pautan: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/596534/ppim-rekodkan-25000-kes-keldai-akaun-sejak-3-tahun-lalu>, diakses pada 6 Mac 2020.

³² Hanneeyzah Bariah Baharin. “Mahasiswa Paling Ramai Jadi Mangsa Keldai Akaun.” Berita Harian bertarikh 14 March 2019. Pautan: <https://www.abm.org.my/downloads/safe-online-banking/resources/409.pdf>.

³³ Zulkufli Ismail & Azmi Aziz, “Jenayah Cinta Siber di Malaysia: Suatu Penelitian Terhadap Pengalaman Mangsa,” *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no. 4 (2019), 9.

dan kerjasama rakan strategik seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), agensi dan jabatan di bawah KKMM seperti Jabatan Penyiaran, Jabatan Penerangan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, FINAS, dan BERNAMA.³⁴

Selain itu, pelaksanaan sekatan laman-laman yang melakukan jenayah siber ini dapat mengurangkan kewenangan dan penyebaran jenayah siber. Sejak 2008 hingga 2013 sahaja, sebanyak 6,640 laman web telah disekat kerana melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan undang-undang bertulis lain. Datuk Jailani Johari selaku Timbalan Menteri Multimedia dan Komunikasi ketika itu berkata sekatan itu merangkumi pelanggaran hak cipta, laman web bank palsu, kandungan lucah dan kandungan penghinaan terhadap institusi beraja. Juga dapat dilihat rekod sekatan terhadap 881 laman sesawang antara 2016 hingga September 2018, bertujuan membendung kes penipuan seperti *Love Scam*, *Macau Scam* dan sebagainya.³⁵ Sejak 2018 hingga 2020 pula direkodkan 2,921 laman sesawang telah disekat kerana mengandungi unsur pornografi.³⁶

4) Penyebaran Maklumat Palsu

Melalui penggunaan media sosial juga, penyebaran maklumat tanpa batasan memberi satu identiti yang baru kepada internet iaitu sebagai penyebaran maklumat palsu.³⁷ Kemunculan pelbagai media sosial dan aplikasi membolehkan pengguna menghantar mesej secara percuma dan pantas. Ia juga turut memberi perubahan kaedah penerima dan penyebaran maklumat. Bagaimanapun fungsi kemudahan dan kelebihan yang disediakan ini, kerap kali disalah guna melalui penyebaran maklumat yang tidak sahih dan tidak berfaedah termasuklah isu MH370, MH17, banjir di pantai timur dan kini isu pandemik COVID-19.

³⁴ Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Sooed, “Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional,” *Jurnal Komunikasi* 36, no. 3 (2020): 308.

³⁵ Hidayatul Akmal Ahmad, “Lebih 800 Laman Web Disekat,” *Laman Berita Harian Online* bertarikh 31 Oktober 2018. Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/492854/lebih-800-laman-web-disekat>.

³⁶ Mahaizura Abd Malik, “2,921 Laman Sesawang Pornografi Disekat,” *Laman Metro* bertarikh 25 Januari 2021. Pautan: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/667838/2921-laman-sesawang-pornografi-disekat>, diakses pada 6 Mac 2020.

³⁷ Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, “Aplikasi al-Tabayyun Dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal,” *Jurnal al-Basirah* 8, no. 1 (2018), 24.

Tindakan ini juga mampu mengundang fitnah kepada pelbagai pihak. Ini kerana ia merupakan satu tindakan yang boleh menjatuhkan dan menjelaskan reputasi seseorang melalui apa yang ditulis atau diperkatakan. Contoh kes pemilik restoran Nasi Ganja di Ipoh telah mengalami kerugian selama tiga hari selepas seorang wanita menyatakan terdapat najis manusia yang digunakan untuk menyedapkan rasa masakan di situ dan selepas itu wanita itu telah memohon maaf atas kesilapannya dan memadam kenyataannya di Facebook.³⁸

Kebebasan mengakses maklumat tanpa sempadan serta sebaran tanpa had mendedahkan pengguna kepada maklumat-maklumat yang tidak benar. Kajian yang dijalankan terhadap 150 orang warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mendapati 95% bersetuju dan sangat bersetuju mengenai kewujudan penyebaran maklumat palsu mengenai pandemik COVID-19 berpunca daripada kebebasan penyebaran info secara berleluasa. Ia disebabkan daripada sindrom menyebar berita terawal atau disebut “*breaking news syndrome*” iaitu tindakan menyebarkan maklumat atau berita terawal yang diperoleh tanpa membuat pengesahan terlebih dahulu.³⁹

Pada satu sisi, segelintir pengguna media sosial merasakan pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu isu sudah memadai melalui sumber yang tersebar dalam media sosial. Trend ini sangat membimbangkan kerana sesuatu yang tular melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter dan Instagram mudah untuk dieksloitasi.⁴⁰

Bahkan menurut Brendan Nyhan dan Jason Reifler, apabila seseorang didedahkan dengan maklumat yang yakin, ia akan cenderung untuk menolaknya meskipun maklumat tersebut adalah fakta relatif lengkap. Sebaliknya, seseorang lebih gemar mencari,

³⁸ Jalal Ali Abdul Rahim, “Fitnah: Pemilik Lapor Polis,” *Laman Berita Harian Online* bertarikh 22 Ogos 2017. Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/08/315905/fitnah-pemilik-lapor-polis>, diakses pada 6 Mac 2020.

³⁹ Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairol Anuar Kamri, “Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,” *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1 no. 1 (2020): 58.

⁴⁰ Ahmad Munawar Ismail & Wan Kamal Mujani, “Had Kebebasan Bersuara dalam Hak Kebebasan Beragama di Malaysia,” *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7 no. 2 (2020), 177.

membaca, serta menyebarkan maklumat yang sesuai dengan apa yang ia percaya walaupun belum jelas kebenarannya. Apabila terbukti maklumat tersebut adalah salah, ia dianggap sebagai salah satu masalah kecil sahaja, malah kadang kala tidak dianggap sebagai satu kesalahan pun.⁴¹

Dalam kajian Mohd Anuar Ramli bersama rakan-rakan menyatakan terdapat beberapa langkah modus operandi penyebaran berita atau maklumat palsu yang dapat dikenalpasti seperti melampirkan nama pihak yang berpengaruh atau berautoriti, memainkan sentimen perkauman serta mengeksplotasi agama dengan menyertakan fadhilat penyebaran dan ancaman pengabaian. Dalam kajian tersebut juga, turut disenaraikan beberapa implikasi penyebaran maklumat berkaitan halal palsu. Antaranya adalah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat, mewujudkan pertikaian terhadap keautoritian pihak berkuasa, menjunamnya pasaran produk menimbulkan ketidakstabilan industri halal serantau dan melahirkan stereotaip perkauman.⁴²

Dalam konteks Malaysia, penyebaran berita palsu boleh membahayakan keselamatan negara kerana keunikannya yang mempunyai pelbagai kaum. Kebencian dan provokasi mudah dilakukan melalui penyebaran maklumat atau berita palsu seperti kes penghinaan Nabi Muhammad SAW oleh pemegang akaun Facebook Foo Sing Wai dan Sally Yen. Cara seseorang berfikir, berperilaku dan menyelesaikan konflik sebenarnya dipengaruhi oleh maklumat yang didedahkan. Oleh itu, jika maklumat palsu yang negatif bebas didedahkan ia akan mempengaruhi bentuk fikiran manusia secara beransur-ansur sehingga menatijahkan pelbagai tindakan yang negatif seperti bergaduh, menyebarkan fitnah dan sebagainya.⁴³

⁴¹ Brendan Nyhan & Jason Reifler, *Misinformation and Fact-checking: Research Findings from Social Science* (Washington: New America Foundation, 2012), 2-3.

⁴² Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaludin, Abdul Qayyuum Amminuddin & Mohammad Naqib Hamdan, “Penyebaran Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal dan Implikasinya Terhadap Industri Halal,” dalam Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII), 2-3 September 2015, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam, 4-5.

⁴³ Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri, “Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,” *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1 no. 1 (2020): 60-61.

Sehubungan itu, masalah penyebaran maklumat palsu perlu diatasi dan dicegah segera. Atas kesedaran ini, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia telah memperkenalkan aplikasi mudah alih portal *Sebenarnya.My* bagi membantu masyarakat membuat pemeriksaan kebenaran sesuatu maklumat sebelum membuat perkongsian di laman sosial masing-masing.⁴⁴ Para pendakwah terutamanya juga perlu berperanan menangkis dan menangani berita yang tidak sah dengan cara menyatakan kedudukan berita tidak benar dan bahannya, mencari jalan penyelesaian dengan memperbanyakkan berita benar supaya tenggelam yang tidak benar dan menjadi model dalam berinteraksi dengan berita tidak benar.⁴⁵

Pada konteks mahasiswa dan universiti pula, dicadangkan supaya pihak universiti meletakkan poster sama ada dalam bentuk fizikal atau elektronik mengenai kepentingan pencarian maklumat yang sah. Penerapan konsep tabayyun juga boleh menjadi pemicu bagi para pelajar mengamalkan pencarian maklumat yang benar.⁴⁶ Pada diri individu pula, para pengguna media sosial perlu tahu dan sedar bahawa setiap tindakan yang dilakukan di ruangan media sosial adalah tanggungjawab diri sendiri. Ini akan melahirkan sikap berwaspada dalam membuat sebarang sebaran di ruangan media sosial.⁴⁷

5) Perkongsian Berlebihan

Selari dengan itu juga, media sosial turut menjadi tempat perkongsian secara berlebihan (*oversharing*). Ini termasuklah perkongsian tentang kisah peribadi, masalah rumahtangga, jumlah kekayaan yang dimiliki, mempamerkan kecantikan dan keelokan

⁴⁴ Kosmo. "SKMM Lancar Aplikasi Mudah Alih *Sebenarnya.my*." *Portal Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia* bertarikh 20 Mac 2018 Pautan; <https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-clippings/skm-lancar-aplikasi-mudah-alih-sebenarnya-my>, diakses pada 6 Mac 2020.

⁴⁵ Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Muhammad Norazam Nordin, Khazri Osman, Abu Dardaa Mohamad & Ahmad Irdha Mokhtar, "Peranan Pendakwah Untuk Menangani Berita Palsu Dari Perspektif Dakwah," *Jurnal Maw'izah* 3, no. 1 (2020): 46-53.

⁴⁶ Zul Hilmi Abdullah, Halimaton Sa'adiah Ariffin, Shaharudin Ismail & Ahmad Nazrul Rosli, "Kebolehpercayaan Maklumat Elektronik: Tinjauan Awal Terhadap Pelajar Tamhidi," Conference: 2nd International Convention of Islam, Science & Education di Universiti Sains Islam Malaysia, pada Oktober 2016, 647.

⁴⁷ Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri, "Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia," *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1 no. 1 (2020): 62.

paras wajah dan tubuh badan dan seumpamanya. Tindakan ini boleh mengundang gangguan mental yang dinamakan sebagai narcisisme.⁴⁸

Masalah perkongsian berlebihan ini sering berlaku dalam kalangan remaja. Para remaja cukup terbuka memamerkan identiti mereka di media sosial. Hal ini dapat dilihat melalui keterbukaan diri mereka memuat naik kegiatan yang sedang mereka lakukan sama ada melalui gambar atau tulisan status dan pernyataan masalah peribadi di ruangan media sosial.⁴⁹ Perkongsian berlebihan juga membuka ruang kepada berlakunya masalah buli siber di samping menimbulkan ketagihan. Ia membuka ruang kepada penjenayah untuk bertindak dengan lebih mudah berdasarkan maklumat yang dikongsi selain pencurian maklumat peribadi secara langsung. Dari aspek psikologinya, ia memberi kesan penurunan harga diri berpunca daripada perbandingan diri dengan orang lain.⁵⁰

Kajian Ana Radovic telah meneliti perihal penggunaan media sosial dalam kalangan remaja yang didiagnosis mengalami kemurungan (*depression*) serta pengaruh penggunaan media sosial terhadap tekanan psikologi. Hasil kajian tersebut mendapati tekanan kemurungan adalah berpunca dari penggunaan media sosial secara negatif iaitu perkongsian berlebihan (*oversharing*) selain (*stressed posting*) dan (*triggering posts*). Dalam hal ini, orang yang mengalami masalah ini dinasihatkan mengalihkan corak penggunaan media sosial mereka dari apa yang mereka anggap negatif kepada penggunaan yang lebih positif termasuk pencarian kandungan positif iaitu untuk sebagai alat hiburan, humor atau untuk hubungan sosial.⁵¹

Perkongsian berlebihan juga membuka ruang mendedahkan aib orang lain atau pun diri sendiri. Mendedahkan aib orang lain boleh menyebabkan berlakunya pergaduhan, dendam dan permusuhan yang berpanjangan kerana melibatkan pihak lain. Mendedahkan aib diri sendiri walaupun tidak melibatkan pihak lain,

⁴⁸ Błachnio & Przepiórka, “Facebook Intrusion, Fear of Missing Out, Narcissism, And Life Satisfaction: A Cross-Sectional Study,” *Psychiatry Research* 259 (2018): 514-519.

⁴⁹ Primada Qurrota Ayun. “Fenomena Remaja Menggunakan Media Sosial Dalam Membentuk Identitas.” *Jurnal Komunikasi* 3, no. 2 (2015): 1-16.

⁵⁰ Hanif Akhtar, “Perilaku Oversharing di Media Sosial: Ancaman atau Peluang?” *PSIKOLOGIKA: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi* 25, no 2 (2020), 260.

⁵¹ Ana Radovic, Theresa Gmelin, Bradley D. Stein & Elizabeth Miller, “Depressed Adolescents’ Positive and Negative Use of Social Media,” *Journal of Adolescence* 55 (2017), 5-15.

tetapi ia tetap dilarang dalam agama Islam. Sabda Rasulullah SAW, “*Setiap umatku akan mendapatkan keampunan dari Allah Azza Wa Jalla kecuali al-Mujaahiriin iaitu semisal ada seorang lelaki yang mengerjakan sebuah perbuatan (buruk) pada malam hari kemudian ia menjumpai (masih hidup) di waktu subuh dan Allah telah menutupi aibnya. Kemudian lelaki tersebut mengatakan “Wahai Fulan, aku telah mengerjakan sebuah perbuatan buruk ini dan itu.” Maka itulah orang yang malamnya Allah telah menutup aibnya lalu ia membuka aibnya sendiri di waktu subuh (keesokan harinya).*” (H.R Bukhari dan Muslim)

Panduan Penggunaan Media Sosial Baharu

Secara asasnya, Islam sebagai syariah yang komprehensif telah menggariskan beberapa panduan dalam penggunaan media sosial baharu. Dalam hal ini, Islam menganjurkan umatnya supaya mengambil sikap berhati-hati serta menilai sesuatu maklumat dengan cermat. Hal ini kerana dibimbangi akan mendorong pengaruh buruk terhadap penerima mesej, apatah lagi secara umumnya media baharu didominasi oleh musuh Islam yang mempunyai pelbagai prejedis khususnya terhadap Islam dalam konteks dunia globalisasi kini.⁵² Dalam surah al-Hujurat, Allah SWT memberikan penekanan terhadap sikap berhati-hati dalam membuat semakan bagi sebarang khabar yang diterima melalui firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ يُنَبِّئُكُمْ فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصْبِيَوْا قَوْمًا بِجَهَالَةٍ
فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَذِيرٌ

Terjemahan: Wahai orang yang beriman, jika datang kepada kamu orang fasik yang membawa berita maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpa suatu musibah kepada satu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan kamu.

al-Hujurat 49: 6

⁵² Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa, “Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam,” Jurnal Hadhari 2 (2009), 80.

Selain itu, panduan penggunaan media sosial baharu termasuklah;

1. Mengelakkan perbuatan adu domba, ghibah dan fitnah semasa menggunakan media sosial baharu. Perbuatan ini boleh menimbulkan permusuhan sesama pengguna.
2. Menggunakan secara berhemah dengan tidak melakukan cubaan untuk melakukan pembulian siber, dan tidak mencetuskan kebencian antara agama, jantina, kepercayaan politik dan kaum.
3. Tidak menyebarkan maklumat palsu walaupun dengan tujuan yang baik. Pengguna seharusnya meneliti sebarang maklumat yang diterima dan dibaca dengan teliti kerana penyebaran tersebut akan membawa kesan yang mudarat kepada pelbagai pihak.
4. Menjaga akhlak dan adab ketika menggunakan media sosial bagi menjaga keharmonian beragama, perkauman dan perkara sensitif yang boleh mencetuskan pergaduhan dan konflik antara pihak-pihak.
5. Memilih rangkaian lingkungan sahabat yang baik kerana jika dikelilingi sahabat yang baik dapat mengurangkan berlaku kemungkaran serta mengelak sahabat yang boleh mendorong pengguna lain untuk terlibat dalam penyalahgunaan media sosial baharu.

Kesimpulan

Penggunaan media sosial baharu bersifat terbuka. Ia boleh mendorong ke arah penggunaan yang positif dan menyumbang kepada komunikasi yang baik dalam kehidupan manusia. Umpamanya, sebagai medium penyambung silaturahim, penyebaran ilmu dan dakwah. Di samping itu, ia juga boleh membuka ruang kepada penggunaan secara negatif, umpama pembulian siber, pengantunan siber, penyebaran maklumat palsu dan sebagainya. Dalam menyikapi gejala ini, ilmu akhlak berperanan penting dalam mengatur dimensi kehidupan seharian manusia. Ia perlu diterapkan kepada pengguna media sosial baharu agar proses interaksi dan komunikasi yang berlangsung dalam dunia digital dapat membentuk kesolehan digital.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan geran yang ditaja Kementerian Pengajian Tinggi di bawah geran projek FRGS/1/2020/SSI0/UM/02/15 Model Kesolehan Digital Dalam Interaksi Sosial Kalangan Pengguna di Era IR 4.0

Bibliografi

- Ahmad Munawar Ismail & Wan Kamal Mujani. "Had Kebebasan Bersuara dalam Hak Kebebasan Beragama di Malaysia." *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7 no. 2 (2020): 176-192.
- Ahmad Sauffiyan Abu Hassan. "Daesh: Kebangkitan Dan Pengaruh Media Sosial." *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 32 no. 2 (2016): 381-404.
- Ali Salman, Mohd Y. Abdullah, Mohd Safar Hasim & Latiffah Pawanteh. "Sustainability of Internet Usage: A Study Among Malay Youth In Kota Bharu, Kelantan, Malaysia." *Malaysian Journal of Communication* 26 (2010): 62-72.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa. "Kebebasan Media Komunikasi Menurut Perspektif Islam." *Jurnal Hadhari* 2 (2009): 65-82.
- Ana Radovic, Theresa Gmelin, Bradley D. Stein & Elizabeth Miller. "Depressed Adolescents' Positive and Negative Use of Social Media." *Journal of Adolescence* 55 (2017): 5-15.
- Asmi Asmidar Zainal Rashid, Mohammad Rahim Kamaluddin, Suzaily Wahab, Dayang Anita Abdul Aziz, Zarina Abdul Latiff & Balan Rathakrishnan. "Kerentenan Kanak-kanak Malaysia terhadap Pengantunan Seksual Dalam Talian." *Jurnal Psikologi Malaysia* 32, no. 3 (2018): 91-108.
- Azianura Hani Shaari & Mohammad Rahim Kamaluddin. "Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial Dalam Kalangan Remaja Malaysia." *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no.6 (2019): 1-16
- Bernama. "Elakkan Diri Daripada Menjadi Statistik Jenayah Siber." *Laman Portal Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia: Malaysian Communications and Multimedia Commission* bertarikh 16 Nov 2018. Pautan: <https://www.mcmc.gov.my/ms/media/press->

- clippings/elakkan-dirinya-daripada-menjadi- statistik-jenayah-si.
- Bernama.“Media Sosial Pengaruhi Penyebaran Ajaran Sesat.” *Laman Perak Today* bertarikh 20 November 2013. Pautan: <https://peraktoday.com.my/2013/11/media-sosial-pengaruhi-penyebaran-ajaran-sesat/>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Bernama. “MMU Jalankan Penyelidikan Berkaitan Undang- Undang Antibuli Siber.” *Portal Rasmi BERNAMA.COM*. bertarikh 4 Julai 2020. Pautan: <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1856935>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Błachnio & Przepiórka. “Facebook Intrusion, Fear of Missing Out, Narcissism, And Life Satisfaction: A Cross-Sectional Study.” *Psychiatry Research* 259 (2018): 514-519.
- Boyd, D. M. & Ellison, N. B. “Social Network Sites: Definition, History, and Scholarship.” *Journal of Computer-Mediated Communication* 13 no. 1 (2007): 210-230.
- Brendan Nyhan & Jason Reifler. *Misinformation and Fact-checking: Research Findings from Social Science*. Washington: New America Foundation, 2012.
- Buzzetto-More, N., Johnson, R., & Elobaid, M. “Communicating and Sharing in the Semantic Web: An Examination of Social Media Risks, Consequences, and Attitudinal Awareness.” *Interdisciplinary Journal of e-Skills and Life Long Learning* 11 (2015): 47-66.
- Che Hasniza Che Noha & Mohd Yusri Ibrahim. “Kajian Penerokaan Buli Siber dalam Kalangan Pelajar UMT.” *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 134. (2014): 323- 329.
- Emad A. Abu-Shanab & Heyam A. al-Tarawneh. “How Jordanian Youth Perceive Social Networks Influence?.” *Computer Science and Information Technology* 1, no. 2 (2013): 159- 164.
- Fabli Yusof & Mohd Sufiean Hassan. “Kes Penghinaan Raja-Raja/Yang Di-Pertuan Agong Di Media Sosial: Tindakan Dan Pengaruhnya Undang-Undang Dalam Kebebasan Bersuara.” *Journal of Law & Governance* 3, no. 1 (2020): 127-142.

- Hanif Akhtar. "Perilaku Oversharing di Media Sosial: Ancaman atau Peluang?" *PSIKOLOGIKA: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi* 25, no 2 (2020): 257-270.
- Hanneeyzah Bariah Baharin. "Mahasiswa Paling Ramai Jadi Mangsa Keldai Akaun." *Berita Harian* bertarikh 14 March 2019. Pautan: <https://www.abm.org.my/downloads/safe-online-banking/resources/409.pdf>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Hidayatul Akmal Ahmad. "Lebih 800 Laman Web Disekat." *Laman Berita Harian Online* bertarikh 31 Oktober 2018. Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/10/492854/lebih-800-laman-web-disekat>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Ioana A. Cionea, Cameron W. Piercy & Christopher J. Carpenter. "A Profile of Arguing Behaviors On Facebook." *Computers in Human Behavior*, No. 76 (2017): 438-449.
- Jalal Ali Abdul Rahim. "Fitnah: Pemilik Lapor Polis." *Laman Berita Harian Online* bertarikh 22 Ogos 2017. Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2017/08/315905/fitnah-pemilik-lapor-polis>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Khadijah Alavi, Maizatul Haizan Mahbob & Mohammad Syahrul Azha Sooed. "Strategi Komunikasi Penjenayah Cinta Siber Terhadap Wanita Profesional." *Jurnal Komunikasi* 36, no. 3 (2020): 296-311.
- Kosmo. "SKMM Lancar Aplikasi Mudah Alih Sebenarnya.my." *Portal Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia* bertarikh 20 Mac 2018 Pautan; <https://www.mcmc.gov.my/en/media/press-clippings/skmm-lancar-aplikasi-mudah-alih-sebenarnya-my>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Mahaizura Abd Malik. "2,921 Laman Sesawang Pornografi Disekat." *Laman Metro* bertarikh 25 Januari 2021. Pautan; <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/667838/2921-laman-sesawang-pornografi-disekat>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Mohamed Suffian Hashim. *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Muhammad Norazam Nordin, Khazri Osman, Abu Dardaa Mohamad & Ahmad Irdha Mokhtar. "Peranan Pendakwah Untuk Menangani Berita

- Palsu Dari Perspektif Dakwah.” *Jurnal Maw’izah* 3, no. 1 (2020): 42-54.
- Mohd Aizam Masod. “Jakim: Fahaman Syiah Disebarkan Melalui Media Sosial.” *Laman Astro Awani* bertarikh 26 Ogos 2013. Pautan; <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jakim-fahaman-syiah-disebarkan-melalui-media-sosial-21068>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohammad Naqib Hamdan & Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. “Aplikasi al-Tabayyun Dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal.” *Jurnal al-Basirah* 8, no. 1 (2018): 23-36.
- Mohd Anuar Ramli, Mohammad Aizat Jamaludin, Abdul Qayyuum Aminnuddin & Mohammad Naqib Hamdan. Penyebaran Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal dan Implikasinya Terhadap Industri Halal. Dalam Konferensi Antarabangsa Islam Borneo VIII (KAIB VIII), 2-3 September 2015, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalam.
- Mohd Zakaria Ahmad “Jenayah Komersial Babitkan Kerugian RM6.2 bilion.” *Laman Berita Harian Online* bertarikh 30 Januari 2020. Pautan; <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/01/651211/jenayah-komersial-babitkan-kerugian-rm62-bilion>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Nicholas Brody & Anita L. Vangelisti. “Cyberbullying: Topics, Strategies, and Sex Differences.” *Computers in Human Behavior*, no. 75 (2017): 739-748.
- Noor Mohamad Syakil Hameed. “Elak Perangkap Keldai Akaun.” *Harian Metro* bertarikh 24 Januari 2019. Pautan: <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/79341/>, diakses pada 6 Mac 2020.
- Norsaleha Mohd. Salleh, Noor Hafizah Mohd. Haridi, Phayilah Zakaria, Juzlinda Mohd. Ghazali, Gazali Bin Runun Abdullah & Mohd. Shairawi Mohd. Noor. “Liberalisme Dalam Pemikiran Belia Di Media Sosial.” *FUADUNA: Jurnal Kajian Keagamaan dan Kemasyarakatan* 1, no. 2 (2017): 165-175.

- Poovaneaswary Manoharan & Muhammad Adnan Pitchan. “Kebebasan Bersuara dan Komentar Netizen Terhadap Isu Muhammad Adib di Berita Harian Online.” *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 3 (2020): 1-9.
- Romlah Ramli. “Sejauhmana Kebebasan Dalam Media Sosial: Peradaban Sosial dan Privasi Dalam Sempadan Keagamaan.” *Journal of Techno - Social* 8, no. 1 (2016): 102-111.
- Primada Qurrota Ayun. “Fenomena Remaja Menggunakan Media Sosial Dalam Membentuk Identitas.” *Jurnal Komunikasi* 3, no. 2 (2015): 1-16.
- Shahidah Hamzah, Fauziah Ani, Norizan Rameli, Noranifitri Md Nor, Harliana Halim, Riki Rahman, Adi Syahid Mohd Ali, Nizam Attan & Khairul Anuar Kamri. “Impak Penyebaran Berita Palsu Melalui Media Sosial Terhadap Masyarakat: Kajian Kes Mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.” *Advances in Humanities and Contemporary Studies* 1 no. 1 (2020): 55-63.
- Siti Ezaleila Mustafa & Azizah Hamzah. “Online Social Networking As A Third Place: Usage In Malaysia.” *Kertas kerja Biennial Convention of The Pacific and Asian Communication* (2014).
- Suriana Che Awang & Khadijah Alavi. “Buli Siber: Impak Emosi Dalam Kalangan Pelajar UKM.” *Jurnal Wacana Sarjana* 4, no. 5 (2020): 1-9.
- Syahira Omar & Wan Amizah Wan Mahmud. “Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian.” *Jurnal Wacana Sarjana* 1, no. 1 (2017): 1-18.
- World Stats. “Internet 2021 Usage in Asia.” *Laman Internet World Stats*.
Pautan:
<https://www.internetworldstats.com/stats3.htm>, diakses pada 29 November 2021.
- Yahya Abdul Rahman. Kawalan Negara Terhadap Kebebasan Media di Malaysia. (Disertasi Ijazah Master Sains, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 2018).
- Yusmizal Dolah Aling. “PPIM Rekodkan 25,000 Kes Keldai Akaun Sejak 3 Tahun Lalu.” *Harian Metro* bertarikh 4 Julai 2020.
Pautan; <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/07/>

Syed, Mohd Anuar, Che Zarrina, Azah, Mohd Anuar & Muhammad Hazim, *Penggunaan Media*

596534/ppim-rekodkan-25000-kes-keldai-akaun-sejak-3-tahun-lalu, diakses pada 6 Mac 2020.

Zul Hilmi Abdullah, Halimaton Sa'adiah Ariffin, Shaharudin Ismail & Ahmad Nazrul Rosli. "Kebolehpercayaan Maklumat Elektronik: Tinjauan Awal Terhadap Pelajar Tamhidi." Conference: 2nd International Convention of Islam, Science & Education di Universiti Sains Islam Malaysia, pada Oktober 2016: 641-647,

Zulkufli Ismail & Azmi Aziz. "Jenayah Cinta Siber di Malaysia: Suatu Penelitian Terhadap Pengalaman Mangsa." *Journal of Social Sciences and Humanities* 16, no. 4 (2019): 1-10.